

## **Soalan Lazim (FAQ) untuk Tesla Ensure**

### **1. Apakah manfaat perlindungan untuk 'Pengecas Kenderaan Elektrik (EV) di Rumah'?**

Tambahan perlindungan Insurans/Takaful **'Pengecas Kenderaan Elektrik (EV) di Rumah'** Etiqa menyediakan pembayaran balik sehingga RM12,000 untuk mengganti atau membaiki pengecas EV di rumah anda sekiranya berlaku kehilangan atau kerosakan akibat:

- Kecurian
- Kebakaran
- Banjir
- Petir
- Letupan
- Taufan, siklon, badai taufan, ribut, gempa bumi
- Pesawat dan peranti atau artikel udara yang dijatuhkan daripadanya
- Kerosakan hentakan oleh kenderaan di jalan raya
- Tangki air, radas atau paip yang pecah atau melimpah

### **2. Apakah manfaat perlindungan untuk 'Elaun Pelepasan Khas Akibat Kerugian Sepenuhnya dan Kecurian'?**

Menyediakan bayaran tunai sekaligus sebanyak RM1,500 untuk kehilangan penggunaan dalam kes KERUGIAN SEPENUHNYA atau KECURIAN kepada kenderaan anda.

### **3. Apakah manfaat perlindungan untuk 'Perlindungan Kemalangan Diri'?**

Menyediakan perlindungan untuk kecederaan badan akibat kemalangan yang menyebabkan Kematian dan Hilang Upaya Kekal semasa orang yang diinsuranskan /peserta sedang menaiki, menuruni, memandu atau menunggang (walaupun sebagai penumpang) kenderaan anda.

<b>Jadual Manfaat</b>	<b>Jumlah Diinsuranskan/Dilindungi</b>
1. Kematian akibat Kemalangan	18,000
2. Kehilangan kedua-dua tangan atau kedua-dua kaki, atau penglihatan kedua-dua mata	18,000
3. Kehilangan sebelah tangan dan sebelah kaki	18,000
4. Kehilangan sama ada tangan atau kaki dan penglihatan sebelah mata	18,000
5. Lumpuh (dari leher ke bawah)	18,000
6. Kehilangan empat jari dan ibu jari di sebelah tangan	9,000
7. Kehilangan pendengaran kedua-dua telinga	9,000
8. Kehilangan pertuturan	9,000
9. Kehilangan penglihatan sebelah mata	9,000
10. Kehilangan semua jari di sebelah kaki	9,000

- Kehilangan tangan atau kaki bermakna kehilangan lengkap melalui atau di atas pergelangan tangan atau pergelangan kaki dalam masa 180 hari selepas dari tarikh kemalangan.

- Kehilangan mata bermakna kehilangan penglihatan keseluruhan dan tidak dapat dipulihkan.

Syarat-syarat:

- Manfaat yang boleh dibayar di bawah lindungan ini tidak boleh melebihi 100% daripada jumlah yang diinsuranskan/dilindungi.
- Perlindungan ini akan ditamatkan secara automatik sebaik sahaja tuntutan dibayar.
- Tiada pengembalian semula.

#### **4. Apakah manfaat perlindungan untuk ‘Elaun Pelepasan Banjir’?**

Manfaat ini menyediakan bayaran sekaligus sehingga RM1,500 untuk kerosakan pada kenderaan anda yang memerlukan pembaikan dan/atau pembersihan akibat banjir.

#### **5. Apakah manfaat perlindungan untuk ‘Manfaat Ihsan’?**

Manfaat ini menyediakan bayaran sekaligus sebanyak RM1,000 sekiranya berlaku kematian akibat kemalangan kepada orang yang diinsuranskan/peserta.

#### **6. Apakah manfaat perlindungan untuk ‘Perlindungan Jagaan Kunci’?**

Manfaat ini menyediakan bayaran balik perbelanjaan sebenar yang ditanggung untuk membaiki atau menggantikan kunci kereta akibat kecurian, cubaan kecurian, rompakan atau pecah rumah.

#### **7. Apakah manfaat perlindungan untuk 24/7 Tunda Kecemasan dan Tanpa Had Jarak?**

Manfaat ini menyediakan kelayakan untuk manfaat Program Bantuan Auto Etiqa oleh penyedia perkhidmatan Etiqa:

- 24 jam sehari, 7 hari seminggu.
- Di Malaysia, Singapura, Thailand dan Brunei (tidak termasuk semua pulau kecuali Pulau Pinang, Langkawi dan Labuan).

Ciri-ciri manfaat Program Bantuan Auto Etiqa termasuk:

a) Bantuan Kerosakan 24 jam (Kerja pembaikan di lokasi)

- Kos bantuan tepi jalan percuma maksimum selama 2 jam bagi setiap kejadian.
  - Jump Start / penggantian bateri 12V
  - Bantuan penggantian tayar
  - Menunda ke stesen pengecas EV yang terdekat.
- Semua kos barang ganti akan ditanggung oleh pemandu.

b) Bantuan Khidmat Penunda 24 Jam Tanpa Had

- Membantu menunda kenderaan anda jika mengalami kerosakan atau kemalangan ke mana-mana yang berikut:
  - Bengkel panel
  - Bengkel francais rasmi pengeluar
  - Bengkel pilihan
- Semua bayaran tol akan ditanggung oleh pemandu.

### Syarat-syarat bantuan Tunda 24 jam

- Dalam Malaysia – Penyedia perkhidmatan Etiqa akan membantu untuk menunda kereta anda ke bengkel pembaikan kereta yang diluluskan atau bengkel pembaikan kereta francais sekiranya mengalami kerosakan atau kemalangan.
- Semasa berada di Singapura, Thailand atau Brunei, penyedia perkhidmatan Etiqa akan membantu untuk menunda kereta anda ke bengkel francais rasmi terdekat.
- Penghantaran balik - Pembekal perkhidmatan boleh membantu pemandu dalam mengaturkan pemulangan Kenderaan ke sempadan Malaysia. Walau bagaimana pun, semua kos pemulangan ke sempadan Malaysia akan ditanggung oleh pemandu. Semua bayaran tol dan sebarang kos barang ganti akan ditanggung oleh pemandu.